


APAKAH JUMLAH SEBULAN YANG ANDA PERLUKAN SELEPAS BERSARA?

Bagi kohort yang mencapai umur 55 tahun tahun ini, Jumlah Minimum ialah \$155,000.

CONTOH:

Isi rumah Encik Tan, 54 tahun (akan berumur 55 tahun tidak lama lagi), yang mempunyai pendapatan \$4,500 sebulan. Isterinya pula suri rumah sepenuh masa.

Dalam tempoh 10 tahun, Encik Tan akan berumur 65 tahun. Berapa banyakkah yang diperlukan Encik Tan sekeluarga apabila beliau bersara pada usia 65 tahun?



Sekiranya beliau mahu \$1,000 sebulan, beliau perlu ketepikan \$120,000

Sekiranya beliau mahu \$2,000 sebulan, beliau perlu ketepikan \$250,000

Sekiranya beliau mahu \$3,000 sebulan, beliau perlu ketepikan \$380,000

Sekiranya Encik Tan memiliki hartanah, beliau boleh mengikrarkan sehingga separuh Jumlah Minimum (MS). Sebagai contoh, sekiranya beliau mempunyai \$155,000, hanya \$77,500 boleh diketepikan untuk Jumlah Minimum. Ini bermakna Encik Tan hanya akan memperolehi \$600 sebulan.

SUMBER PENDAPATAN LAIN SELEPAS BERSARA

1. Sewakan satu bilik:

Pendapatan: \$700 sebulan

2. Tinggal dengan anak, sewakan flat

Pendapatan: \$2,500 sebulan

3. Jual flat, beli flat yang lebih sesuai tiga bilik atau flat studio

Nikmati Bonus Perumahan Warga

Emas: \$20,000

Wang tunai: \$210,000 dan

pendapatan bulanan \$800 sebulan

(tidak termasuk pendapatan daripada CPF Life)

4. Skim Beli Balik Pajakan

Nikmati: \$27,500 tunai, \$900 sebulan

(tidak termasuk pendapatan daripada CPF Life)

